

Rujukan Kami : SPA.PK.947/1 Jld.2(19)

Tarikh : 27 Mac 2008

Y. Bhg. Dato' Sri Dr. Hj. Mohd Nasir bin Mohd Asraf
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
Blok E1, E6, E7 & E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Y. Bhg. Dato' Sri,

**PEWAKILAN KUASA PELANTIKAN SECARA KONTRAK SELEPAS
BERSARA BAGI JAWATAN SEPARA PERUBATAN**


Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas yang berkaitan.

2. Sukalah dimaklumkan bahawa Suruhanjaya telah membuat keputusan untuk mewakilkan kuasa kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia untuk melantik secara kontrak selepas bersara bagi jawatan separa perubatan pelbagai gred berkuat kuasa mulai 10 Mac 2008. Pelantikan secara kontrak ini hendaklah mengikut garis panduan peraturan pelantikan kontrak pegawai awam yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.
3. Selaras dengan pelaksanaan pewakilan kuasa ini, pihak kementerian hendaklah mengemukakan satu laporan pelantikan tersebut kepada Suruhanjaya mengikut format seperti di **Lampiran A**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



RAMLI BIN JUHARI

Timbalan Setiausaha (Pembangunan)